

12/01/2000

Konsep pelabuhan dalam taman di Westport

WESTPORT Malaysia walaupun baru berusia lima tahun tetapi sudah mulai bangun untuk memecah tradisi dan mencipta kelainan dalam industri.

Sejajar dengan usahanya untuk menjadi pelabuhan terkemuka di rantau ini, Westport bukan sahaja menyerapkan budaya pengurusan positif yang berjaya pada peringkat awal operasinya tetapi memastikan perniagaan pelabuhannya sentiasa konsisten.

Westport dalam penerbitan korporatnya, Ripples, keluaran Disember 1999 berkata, tindakan berani mengatasi norma berjaya menaikkan reputasi perniagaannya.

Antara langkah yang dijalankan adalah melaksanakan konsep pelabuhan dalam taman, program latihan dan pembangunan berterusan untuk eksekutif mahu pun pengurusan, memperkenalkan budaya korporat dinamik, faedah untuk pekerja serta memberi peluang sama rata kepada kakitangan wanita.

Ripples kali ini memberi tumpuan kepada pelaksanaan konsep pelabuhan dalam taman yang boleh memberikan suasana lebih nyaman dan menyihatkan kepada persekitaran pelabuhan yang berhabuk dan kotor daripada gudang serta peralatan mesin.

Untuk mencipta kelainan pihak pengurusan pelabuhan membelanjakan hampir RM4 juta bagi program pengindahan landskap dan memperuntukkan RM500,000 setahun untuk penyelenggaraan dan pemuliharaan taman.

Westport berkata, kehijauan persekitaran di sekeliling pelabuhan dapat menyegarkan semula mata dan badan yang penat.

"Ini adalah satu daripada ganjaran yang disediakan kepada kakitangan," katanya.

Laluan masuk ke pelabuhan pula dihiasi air terjun buatan dan taman bunga yang menarik sebagai menyambut kedatangan pengunjung.

Keindahan seni tamannya berjaya menarik perhatian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan pembukaan Westport pada 1996.

Westport yang dikendalikan Kelang Multi Terminal Sdn Bhd mempunyai rangkaian global dengan lebih daripada 100 destinasi seluruh dunia dan menjadi pilihan 12 operator kontena utama di dunia seperti Maersk, Sealand, Hanjin, Cho Yang, DSR senator, Evergreen, Uniglory, Lloyd Triestino, CMA, Norasia, NSCSA dan MISC.

(END)